

Mohamad Hussin  
mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

# BERGILIR DENGAN PADI

Jagung bijirin ternakan ditanam di sawah diusahakan padi setahun sekali

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) membangunkan Pelan Pembangunan Jagung Bijirin (PPJB) (2016-2020) bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import bahan makanan ternakan dan memperbaiki imbangan dagangan agromakanan negara.

Sehubungan itu, model penanaman jagung bijirin sebagai tanaman giliran di kawasan sawah yang ditanam padi setahun sekali dibentuk dengan menjadikan Kampung Dadong, Kemaman, Terengganu sebagai projek perintis.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, projek perintis jagung bijirin di Dadong bermula pada 26 Jun lalu memabitkan 51 peserta di kawasan seluas 14 hektar.

Beliau berkata, sepanjang penanaman selama 100 hari, projek itu melalui proses percubaan dengan pelbagai cabaran, antaranya faktor kemarau pada Julai dan Ogos lalu, air bertakung pada September serta serangan perosak dan musuh tanaman yang mempengaruhi potensi hasil.

"Matlamat menanam jagung bijirin secara besar-besaran adalah proses panjang memabitkan pelbagai peringkat percubaan, namun projek perintis di Kampung Dadong langkah pertama yang penting dan memberikan pengalaman berharga.

"Bagaimanapun, kita yakin akan dapat mencapai hasil lapan tan metrik sehektar pada harga jualan RM900 untuk satu tan metrik. Jabatan Pertanian mengenal pasti beberapa penambahbaikan yang akan dilaksanakan pada musim penanaman akan datang," katanya.

KAKITANGAN GWG  
bersama Ahmad Shabery  
menunjukkan jagung bijirin



Beliau berkata demikian selepas menyaksikan proses penuaian projek perintis jagung bijirin pertama di Kampung Dadong, baru-baru ini. Hadir sama Ketua Pengarah Pertanian Datuk Ahmad Zakaria Mohamad Sidek.

Ahmad Shabery berkata, jagung adalah bahan mentah terpenting makanan ternakan termasuk ayam, lembu, kambing dan ikan akuakultur. Pada masa ini, Malaysia mengimport hampir 100 peratus jagung bijirin.

"Penanaman padi di kawasan sawah Kampung Dadong hanya dijalankan setahun sekali iaitu dari Februari hingga Jun. Cadangan menanam jagung di luar musim padi iaitu antara Jun hingga Oktober adalah usaha menggunakan sepenuhnya tanah berkenaan selain menambah pendapatan petani.

"Projek perintis ini memabitkan kerjasama antara Jabatan Pertanian dengan Green World Genetics Sdn Bhd (GWG). Syarikat terbabit akan



JAGUNG bijirin.

melatih petani menanam jagung bijirin di sawah.

"Keuntungan bersih akan dibahagi antara petani dan syarikat. Syarikat juga menawarkan jaminan pembelian semula jagung bijirin yang dihasilkan petani," katanya.

Menurutnya, GWG sebuah syarikat peneraju sejak 2013 dalam program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian di bawah Projek Permulaan (EPP) 14, iaitu Pembangunan Industri Benih.

"Antara penyelidikan yang telah dijalankan syarikat itu ialah pembangunan benih varieti

jagung bijirin yang sesuai dengan tanah dan iklim negara ini.

"Berikutan kejayaan tuai pertama ini, Model Penanaman Jagung Keman akan diperluaskan ke kawasan sawah luar jelaupang lain di Malaysia yang kini dianggarkan seluas 170,000 hektar.

"Kementerian juga menyasarkan menggunakan pakai tanah terbiar yang dianggarkan seluas 120,000 hektar untuk tujuan sama," katanya.

Beliau berkata, setiap tahun Malaysia mengimport empat juta tan metrik jagung bijirin dengan nilai

RM3.1 bilion. Pengeluaran secara domestik bukan sahaja dapat mengurangkan pengaliran wang ke luar negara, malah bakal mewujudkan peluang perniagaan besar untuk pengusaha sepanjang rantaian nilai industri baru itu.

"Perataan tanah sawah dan pengapuran akan dijalankan bagi penyediaan tanah untuk penanaman jagung bijirin musim kedua di Kampung Dadong. Penanaman padi akan dibuat selepas selesai penuaian jagung bijirin musim kedua tahun depan," katanya.

Katanya, kerajaan juga merangka pelan pelaksanaan projek penanaman jagung bijirin di kawasan tanah terbiar seperti di Terengganu (TKPM Rhu Tapai seluas 51.23 hektar, Setiu 170 hektar), Marang (130.9 hektar), Hulu Terengganu (52.61 hektar) dan Kuala Nerus (200 hektar).

"Di Perlis (Chuping seluas 50 hektar), Kedah (NATC Bukit Tangga 20.23 hektar, Sik 32 hektar), Johor (MARDI Kluang 120 hektar) dan Perak (TKPM Titi Gantong 7 hektar).

"Perbincangan bagi pembangunan kawasan jagung bijirin ini meliputi Jabatan Pertanian dan agensi di bawah MOA serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), FELDA dan FELCRA.

"Projek perintis ini diharapkan dapat menjadi model pelaksanaan projek tanaman jagung bijirin di negeri lain dan syarikat pemproses makanan ternakan serta syarikat yang terbabit dalam penterakan digalakkan untuk melabur atau memabitkan diri dalam pengeluaran jagung bijirin," katanya.

## CENDAWAN JERAMI KAYA PROTEIN, MINERAL

SEKILAS

Cendawan jerami atau *Volvariella volvacea* mudah didapati di kawasan tropikal atau subtropikal seperti di China, Thailand, Indonesia, Vietnam dan Malaysia.

Biasanya ia tumbuh liar di atas tanah, longgokan jerami atau tandan sawit. Cendawan ini kaya dengan protein, vitamin

C dan mineral termasuk antikoolesterol dan antitoksin selain awet muda.

Teknologi penanaman cendawan jerami diperkenalkan Pejabat Pertanian Daerah Padang Terap, Kedah, dengan menggunakan tandan sawit (EFB) di kawasan kebun getah.

Teknologi berkenaan diperkenalkan untuk memberi peluang kepada

penoreh getah dan petani menambah pendapatan.

Cendawan ini digemari kerana isinya pejal selain kos pengeluaran yang rendah dan mendapat pulangan modal cepat.

Peluang ini diambil penoreh getah untuk mengusahakannya di bawah pokok getah sebagai alternatif berikutan harga getah yang murah.

Kaedah EFB juga dapat

mengatasi masalah sisa buangan kelapa sawit yang mencemarkan alam sekitar.

Cendawan jerami sesuai ditanam di kebun getah, kelapa sawit dan dusun yang bebas daripada banjir, air bertakung, cukup teduhan dan tanah rendah.

Selain itu, ia perlu bebas daripada gangguan ternakan atau haiwan liar serta jauh dari kawasan penggunaan racun kimia.

